

AMANAT KOMANDAN PALAPES
PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH RODZIAH BINTI
JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA

**PERBARISAN KOMANDAN PALAPES DAN
UPACARA MENYERAH TUGAS TIMBALAN
KOMANDAN PALAPES UITM TAHUN 2023.**

28 JANUARI 2023 | SABTU | PAGI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Sazili Shabibi**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM

Yang Berbahagia Lettenan Kolonel Prof. Madya Hj.

Zaid Bin Ngah

Timbalan Komandan PALAPES UiTM

Yang Berusaha Mejari Muhammad Nazri bin Ahmad

Ketua Jurulatih PALAPES UiTM.

- **Rektor-rektor Kampus Cawangan**
- **Pengarah Pembangunan Pelajar**
- **Pengarah Ko-Kurikulum UiTM**

- **Ketua-ketua Unit PALAPES**
 - **Koordinator-Koordinator PALAPES**
 - **Pegawai-pegawai Sukarela PALAPES UiTM**
 - **Jurulatih-jurulatih PALAPES dan seterusnya**
- Pegawai-Pegawai Kadet dari tiga Perkhidmatan yang dikasihi.**

[SALUTASI-KEMASKINI BERDASARKAN KEHADIRAN]

1. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah keizinan-Nya, memberi kita ruang waktu dan kesihatan untuk sama-sama berada di dalam perhimpuan pada pagi ini.
2. Alhamdullilah, saya masih diberikan kesempatan untuk menerajui Universiti Teknologi MARA dan menjadi Komandan PALAPES yang ke-8 ini.

Para hadirian sekalian,

3. PALAPES di UiTM sudah menjangkau usia 43 tahun, sejak mula diperkenalkan pada tahun 1980 yang bermula dengan PALAPES Darat. Kemudian diikuti Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut DiRaja Malaysia pada tahun 1997 dan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia pada tahun 2005. Saya percaya pada usia 43 tahun ini, PALAPES telah melahirkan pegawai kadet yang besar jumlahnya.
4. Sebagai Naib Canselor merangkap Komandan PALAPES, sememangnya telah menjadi satu Amanah yang perlu saya laksanakan sebaik mungkin agar matlamat penawaran program PALAPES seiring dengan

misi dan visi UiTM bagi memperkasakan mahasiswa dan mahasiswi.

5. Bagi memastikan tadbir urus PALAPES sentiasa dipertingkatkan dan memenuhi matlamat Universiti, Majlis Eksekutif Universiti (MEU) telah meluluskan dan mengiktiraf Pusat Tanggungjawab (PTJ) PALAPES sebagai sebahagian daripada jabatan yang diletakkan di bawah Pejabat Naib Canselor.
6. Beberapa lantikan pentadbiran telah dipersetujui seperti pengarah, ketua unit dan koordinator peringkat cawangan. Semua perjawatan ini amat penting bagi membantu Universiti dalam mengurus dan memantau perjalanan latihan khususnya dari sudut kewangan, logistik latihan serta aset universiti. Pengiktirafan PTJ ini juga sebenarnya selari dengan fungsi pegawai sukarela dalam kalangan kakitangan Universiti seperti yang termaktub dalam organisasi pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia.

Kita sedia maklum bahawa keperluan latihan pegawai kadet PALAPES tidak sama seperti aktiviti lain yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar. Setiap keperluan perlu merujuk kepada sukanan pelajaran yang ditetapkan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Maka dengan itu urusan perbelanjaan juga perlu melibatkan pegawai sukarela dalam kalangan kakitangan Universiti yang terlibat secara langsung dalam organisasi pasukan simpanan dan perlu difahami oleh sebahagian kakitangan unit-unit tertentu di peringkat universiti.

7. Besarlah harapan Universiti agar PTJ PALAPES sentiasa berganding bahu dengan Hal Ehwal Pelajar dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh membangunkan potensi bukan sahaja mahasiswa dan mahasiswi malah semua warga Universiti.
8. PTJ PALAPES perlu memainkan peranannya sebagai perantara antara pengurusan Universiti dengan Kementerian Pertahanan bagi memastikan program PALAPES ini dilaksanakan dengan baik sebagai sebahagian daripada sumbangan UiTM kepada

pembangunan modal insan bangsa Melayu dan Bumiputera terhadap agenda pertahanan negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Untuk makluman, Kertas Putih Pertahanan (KPP) 2019 yang telah dibentangkan di peringkat Nasional adalah dokumen yang mengandungi langkah-langkah tersusun dalam usaha memperkasakan sistem pertahanan negara. Kertas Putih Pertahanan 2019 ini ialah satu usaha tuntas dan berterusan agar Sektor Pendidikan di peringkat Universiti untuk terlibat secara langsung bagi menjayakan agenda Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang terkandung di dalam Dasar Pertahanan Negara.

10. InshaAllah, sumbangan ini boleh dicapai melalui pelbagai cara, sama ada dari segi keterlibatan dalam pasukan sukarela secara langsung ataupun dalam bentuk idea melalui penyelidikan teknologi pertahanan dan keselamatan yang melibatkan warga akademik Universiti dan Kermenterian Pertahanan.

11. Dasar Pertahanan Negara menekankan kepada keupayaan berdikari Angkatan Tentera dalam struktur keupayaan berdikari nasional. Ia tidak hanya melibatkan pasukan tempur tetapi juga rangkaian sokongan logistik cetusan kerjasama industri-ketenteraan yang sejajar dengan keutamaan program pembangunan negara.

12. Dalam hubungan ini, keupayaan berdikari tidaklah terhad kepada usaha-usaha Angkatan Tentera semata-mata tetapi sewajarnya melibatkan semua agensi Kerajaan yang berkaitan dan rakyat jelata. Amat penting untuk semua warga Universiti memahami konsep pertahanan Menyeluruh (HANRUH) seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara di dunia dalam melindungi hak ekslusif negara mereka.

Hadirin sekalian,

13. Program PALAPES yang ditawarkan di Universiti Awam ini adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk menjayakan matlamat Dasar Pertahanan

Negara. Objektif utamanya bertujuan melahirkan pegawai-pegawai simpanan yang mampu untuk memikul tanggungjawab dan dapat dikerahkan jika berlakunya situasi yang tidak diingini termasuklah pencerobohan sempadan negara, tugas risikan, dan kawalan penyakit seperti COVID-19 yang melanda negara pada tahun 2020 hingga 2021.

Hadirin sekalian,

14. Sebagai universiti yang terbesar, kita juga mempunyai tanggungjawab yang besar, khususnya dalam pembangunan modal insan anak-anak Melayu dan bumiputera dari segi akademik. Namun program-program di luar kuliah seperti pasukan beruniform juga memainkan peranan yang amat penting bagi melahirkan graduan yang holistik terutamanya dalam meningkatkan kebolehpasaran mahasiswa UiTM melalui pemilikan ilmu yang pelbagai.

15. Setiap tahun beberapa orang pegawai kadet PALAPES yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana muda telah berjaya mengikuti kursus pegawai graduan di dalam Angkatan Tentera.

16. Mereka boleh juga boleh terlibat dengan pasukan simpanan askar wataniah sebagai pegawai yang akan menerima elaun jika aktif mengikuti latihan ketenteraan di dalam pasukan Regimen Askar Wataniah sebagai pegawai bertauliah.
17. Bagi membuka ruang kepada mahasiswa dan mahasiswi UiTM terlibat di dalam pasukan simpanan askar wataniah, inshaAllah, melalui usaha dan matlamat PTJ PALAPES, program wataniah berjam kredit akan ditawarkan kepada pelajar di peringkat diploma, dan kertas kerja cadangan telah pun dibentangkan di peringkat JAK.
18. Program Wataniah bukanlah program yang dikhkususkan untuk individu tertentu, sebaliknya terbuka kepada semua pelajar dan warganegara tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit selagi mereka memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Angkatan Tentera Malaysia.
19. Penawaran program berjam kredit ini secara tidak langsung memberi ruang kepada warga universiti melibatkan diri untuk menjadi anggota wataniah melalui

beberapa skim yang telah dibincangkan oleh pengarah PALAPES Bersama Asisten Panglima Pasukan Simpanan Tentera Darat. Sama-sama lah kita berdoa agar usaha murni ini berjaya dilaksanakan.

20. Saya juga akui, untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap ia memerlukan fasiliti dan ruang kerja yang kondusif. Bangunan PALAPES yang ada sekarang ini, jika dahulu hanya menempatkan PALAPES Darat, sekarang ia juga menempatkan PALAPES Laut dan PALAPES Udara.

21. Sebagai rakan kongsi yang melaksanakan program PALAPES, pihak universiti akan cuba memberikan yang terbaik agar latihan pegawai kadet dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh itu pihak Universiti berharap bangunan PALAPES yang sedia ada dapat memenuhi keperluan program termasuklah penyediaan pejabat pegawai sukarela, pejabat ketua jurulatih setiap peringkat, pejabat jurulatih dan bilik tetamu khas.

Para hadirin sekalian,

22. Saya menyeru agar semua pihak lebih kreatif untuk mengoptimumkan ruang yang ada agar sesuai dengan pengoperasian dan keperluan latihan.

23. Saya juga ingin mengucapkan jutaan Terima kasih kepada semua pegawai-pegawai dan jurulatih dari tiga perkhidmatan ATM yang sama-sama melatih pegawai kadet PALAPES UiTM. Semua anggota yang ditempatkan di UiTM termasuk kampus Cawangan yang menawarkan program PALAPES merupakan salah duta kecil Angkatan Tentera Malaysia.

24. Pengurusan UiTM juga mengharapkan agar disiplin tentera yang telah lama tersemat di dalam sanubari tuan-tuan diterjemahkan melalui kepatuhan peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak universiti, ini amat penting agar keharmonian di dalam kampus yang melibatkan pihak tuan-tuan sentiasa terpelihara.

25. Semua pegawai dan jurulatih yang terlibat perlu memahami bahawa semua pegawai kadet ini adalah pelajar universiti yang masih terikat dengan peraturan

universiti dan kecemerlangan akademik masih menjadi keutamaan. Sehubungan dengan itu saya mengharapkan supaya semua pegawai dan jurulatih merujuk kepada pengarah, ketua unit atau koordinator PTJ PALAPES tentang perkara-perkara yang melibatkan universiti.

- 26.** Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Semoga kata-kata ini menjadi pedoman kepada kita sebagai ahli di dalam satu pasukan.
- 27.** Akhir kata, semoga kita dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan sebagai sebuah kewajiban yang harus ditunaikan. Marilah kita sama-sama berdoa agar kita semua serta seluruh warga UiTM sentiasa berada di bawah rahmat Allah SWT.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.